



Headline: Rugi RM396.5j akibat Macau Scam
Publication/Portal: Kosmo
Date: 11 June 2019

Language: Malay
Section: Negara
Page: 15

Penipuan penyamaran dalam talian sejak tahun 2017 hingga Mei lalu

Rugi RM396.5j akibat *Macau Scam*

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KUALA LUMPUR – Penipuan dan tangkapan sindiket *Macau Scam* kerap didedahkan namun masih ramai masyarakat di negara ini begitu mudah terpedaya sehingga kerugian puluhan ribu ringgit.

Perkara itu terbukti selepas statistik Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman menunjukkan negara terpaksa menanggung kerugian mencecah RM396.5 juta berkaitan penipuan penyamaran dalam talian sejak tahun 2017 hingga Mei lalu.

Pemangku Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Saiful Azly Kamaruddin berkata, kebiasaannya pihak sindiket mempunyai maklumat peribadi



SAIFUL AZLY


mangsa sebelum memperdayakan mereka menerusi panggilan telefon.

Katanya, pihak sindiket menggunakan aplikasi *Voice over Internet Protocol* (VoIP) iaitu Suara Melalui Protokol Internet sebagai kaedah penipuan melalui telefon.

“Kés paling banyak dilaporkan membabitkan penyamaran sebagai pihak mahkamah, pegawai polis, bank, kastam dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,” katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah Saiful Azly, pelbagai modus operandi digunakan penjenayah termasuk hutang kad kredit, saman, penglibatan dadah, pengubahan wang haram semata-mata untuk menakutkan mangsa.

“Apabila mangsa berjaya dita-



PENIPUAN jenayah *Macau Scam* menggunakan cara penyamaran dalam talian sering digunakan untuk memperdayakan mangsa. - Gambar hiasan

utkan, sindiket akan mengarahkan mangsa untuk mengikut arahan dan membuat pembayaran sejumlah wang melalui mesin pengeluaran wang automatik (ATM) sehingga melibatkan be-

berapa transaksi pemindahan wang,” jelasnya. Kata beliau, semua peringkat usia terdedah dengan penipuan *Macau Scam* namun mangsa yang paling ramai ditipu adalah golongan

INFO

Macau Scam

Tahun	kes	kerugian
2017	4,177	RM99.99 juta
2018	4,966	RM225.15 juta
Januari-Mei 2019	1,780	RM71.37 juta

pesara berusia lebih 51 tahun dan diikuti dengan golongan belia berusia lingkungan 31 hingga 40 tahun.

Mengikut statistik JSJK, sebanyak 4,177 kes dilaporkan membabitkan penipuan *Macau Scam* dengan nilai kerugian berjumlah RM99.99 juta bagi tahun 2017.

“Jumlah itu menunjukkan peningkatan mendadak bagi tahun 2018 dengan nilai kerugian mencecah RM225.15 juta membabitkan 4,966 kes.

“Sehingga awal Mei tahun ini, sebanyak 1,780 kes dilaporkan dengan nilai kerugian berjumlah RM71.37 juta,” jelasnya.